

KL antara bandar kerap dilawati di Asia Tenggara

(19 APRIL 2023, UTUSAN MALAYSIA, PG 35)

PETALING JAYA: Kuala Lumpur tersenarai antara bandar yang paling kerap dilawati di Asia Tenggara pada 2022 di Airbnb.

Menurut data dalaman baharu platform itu, jumlah malam yang ditempah di seluruh Asia Tenggara di Airbnb meningkat dua kali ganda pada tahun 2022 berbanding tahun 2020.

Katanya, Thailand ialah negara nombor satu paling banyak dilawati di Airbnb di Asia Tenggara pada tahun 2022, manakala bandar-bandar utama di rantau ini

termasuk Kuala Lumpur, Bangkok, Pattaya, Chiang Mai dan Phuket.

“Data baharu daripada Airbnb menunjukkan bahawa kebangkitan dan evolusi industri pelancongan di Asia Tenggara membuka peluang baharu kepada komuniti di seluruh rantau tersebut.

“Amerika Syarikat juga tersenarai sebagai negara asal pertama bagi tetamu antarabangsa Airbnb yang melawat Asia Tenggara pada 2022, diikuti dengan Australia, United Kingdom, Jerman dan Korea Selatan,” katanya dalam

kenyataan.

Tambah Airbnb, pelancongan intra Asia Tenggara kekal popular dalam kalangan pelancong yang gemar melawat negara-negara jiran berhampiran.

“Khususnya, ramai warga Singapura menggunakan Airbnb untuk menempah percutian mereka dengan Singapura-Malaysia muncul sebagai laluan perjalanan intra Asia Tenggara paling popular di Airbnb, diikuti dengan Singapura-Thailand dan Singapura-Indonesia,” ujarinya.

Pengasas Bersama dan Ketua

Pegawai Strategi Airbnb, Nathan Blecharczyk berkata, pihaknya sangat teruja dengan kebangkitan semula pelancongan yang sedang berlaku di seluruh Asia Tenggara.

Katanya, rantau ini sentiasa popular dalam kalangan pengembara dari seluruh dunia kerana iklim tropiknya, masakan tempatnya yang lazat, pemandangan yang menakjubkan dan kekayaan warisan budayanya.

“Airbnb komited untuk bekerjasama dengan komuniti dan kerajaan tempatan bagi me-

nyokong kebangkitan semula sektor pelancongan di rantau ini dengan cara yang membolehkan warga tempatan menikmati manfaat sosio-ekonomi daripada pelancongan.

“Kami juga memberi tumpuan kepada inovasi berterusan untuk membantu meluaskan pelancongan dan menggalakkan pemulihannya dengan cara yang bertanggungjawab, mewujudkan hubungan sesama manusia dan memperkasakan ekonomi penduduk tempatan,” katanya.